

# Kerjasama mampu pertingkatkan aktiviti R&D

3H - 8 SEP 2000

SEPANG, Khamis – Aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di negara ini boleh djoertingkatkan lagi melalui kerjasama strategik dengan syarikat gergasi antarabangsa dalam bidang tertentu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan hakikat ini juga kerajaan berpendapat ia boleh bekerjasama dengan Motorola Inc supaya kegiatan R&D yang dijalankan syarikat pengeluaran cip di Amerika Syarikat itu dapat dilaksanakan di Malaysia.

“Umpamanya, Motorola pakar dalam pengeluaran “walkie-talkie” yang kebanyakannya dirdka bentuk dan dikeluarkan di Malaysia. Begitu juga dengan telefon dan radio dengan menggabungkan fungsi walkie-talkie,” katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini, setibanya daripada lawatan kerja ke Amerika Syarikat.

Ditanya mengenai kegiatan penyelidikan dan pembangunan yang boleh dilaksanakan di Malaysia, Dr Mahathir berkata negara ini mempunyai banyak pilihan.

“Kita akan kenal pasti bidang-bidang tertentu, termasuk penyelidikan dalam bidang bio-chip iaitu kajian mengenai hubungan cip dengan DNA iaitu bagaimana kita boleh menggunakan cip untuk mengesan dan mengelak penyakit,” katanya.